PP lwn. TAIKO FERTILISER & YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
KAMARDIN HASHIM HMR
AB KARIM AB JALIL HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: J-09-461-12-2016]
25 JANUARI 2019

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pengubahan wang haram – Pelucuthakkan – Permohonan penyiaran notis dalam Warta – Hakim bicara menolak permohonan atas alasan pihak pendakwaan gagal membuktikan permohonan melucut hak harta-harta – Hakim bicara tidak menyentuh atau memberi keputusan tentang permohonan penyiaran notis dalam Warta – Sama ada keseluruhan permohonan boleh dibicarakan tanpa terlebih dahulu memberi perintah penyiaran notis dalam Warta – Sama ada hakim bicara mematuhi tatacara yang digariskan – Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, ss. 56(1) & 61(2)*

Melalui satu notis usul yang difailkan di Mahkamah Tinggi, perayu ('pihak pendakwaan') memohon penyiaran satu notis dalam *Warta*, bawah s. 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUA') dibaca bersama-sama s. 56(1) AMLATFPUA, berkaitan tindakan pelucuthakkan. Notis usul ini (i) menyenaraikan tujuh akaun di lima institusi perbankan dan dua buah kereta mewah ('harta-harta alih'); (ii) memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan atas harta-harta alih yang disita agar hadir ke mahkamah untuk menunjukkan sebab kenapa harta-harta ini tidak boleh dilucuthakkan; dan (iii) memohon pelucuthakkan harta-harta alih ini. Tanpa menyentuh atau memberi apa-apa keputusan tentang permohonan utama, iaitu perintah menyiarkan satu notis dalam *Warta*, Hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') menolak notis usul atas alasan pihak pendakwaan gagal membuktikan permohonan mereka untuk melucut hak harta-harta tersebut. Maka timbul rayuan ini. Pihak pendakwaan menghujahkan hakim bicara (i) tidak seharusnya membicarakan keseluruhan permohonan tanpa terlebih dahulu memberi perintah penyiaran notis dalam *Warta*; dan (ii) menyalahi tatacara yang digariskan oleh s. 61(2) AMLATFPUA kerana seksyen ini, berdasarkan penggunaan perkataan 'hendaklah', wajib dipatuhi terlebih dahulu dan, ekoran itu, memudaratkan hak pihak ketiga yang tidak dapat didengar. Membantah rayuan pihak pendakwaan, responden-responden menegaskan (i) sebelum mekanisme s. 61(2) AMLATFPUA dapat digerakkan, hakim bicara perlu, terlebih dahulu, memutuskan, sama ada permohonan pihak pendakwaan bawah

A s. 56(1) AMLATFPUA bermerit atau tidak. Dalam erti kata lain, hakim bicara harus membuat perintah pelucuthakkan sebelum tatacara s. 61(2) AMLATFPUA digerakkan.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi)

B **Oleh Ab Karim Ab Jalil HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:**

(1) Berdasarkan peruntukan ss. 56(1) dan 61(2) AMLATFPUA, jelas bahawa penggunaan mekanisme bawah s. 56 untuk pengeluaran perintah pelucuthakkan oleh hakim bicara terhadap harta yang dimaksudkan, hendaklah memberi laluan terlebih dahulu pada s. 61(2). Saranan ini
C diwajarkan dengan penggunaan ungkapan 'Tertakluk kepada s. 61 …' di awal peruntukan s. 56(1). Ungkapan 'Tertakluk kepada s. 61 …' bawah s. 56(1) merujuk s. 61 secara keseluruhan dan bukan s. 61(2) sahaja. Keseluruhan s. 61, khususnya s. 61(2), hendaklah diberi keutamaan. Kesahan takrifan ini diperkukuh dengan penggunaan ungkapan '…
D hakim yang kepadanya suatu permohonan dibuat di bawah … subseksyen 56(1) hendaklah menyebabkan supaya disiarkan suatu notis dalam *Warta* …' dalam s. 61(2). Penggunaan 'hendaklah' dalam s. 61(2) menjadikannya satu kehendak yang wajib diikuti sebelum satu-satu perintah pelucuthakkan bawah s. 56 dibuat. (perenggan 16 & 17)

E **(2)** Amnya, s. 61 AMLATFPUA memberi hak kepada mana-mana pihak ketiga *bona fide* untuk didengar dan membuat tuntutan atas harta-harta berkenaan sebelum harta-harta itu dilucut hak kepada Kerajaan atau sebaliknya. Menurut s. 56(2)(b) AMLATFPUA, hakim bicara perlu berpuas hati bahawa tidak terdapat pembeli suci hati dengan balasan
F bernilai terhadap harta tersebut. Bagaimanakah pembeli suci hati ini hendak membuat tuntutan tersebut jika tiada pemakluman, dalam maksud s. 61(2), dibuat? Selanjutnya, menjadi satu kejanggalan jika satu-satu perintah pelucuthakkan dibuat terlebih dahulu sebelum siaran dibuat bawah s. 61(2) untuk menjemput mana-mana orang untuk
G menyatakan mengapa pelucuthakkan tidak harus dibuat. Kejanggalan ini tidak munasabah dan, sudah tentu, tidak dimaksudkan oleh undang-undang. (perenggan 18 & 19)

(3) Hakim bicara terkhilaf dengan tidak mematuhi kehendak mandatori s. 61(2) AMLATFPUA apabila, dengan jelas, tidak menyentuh langsung
H tentang permohonan pihak pendakwaan untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* untuk pelucuthakkan harta-harta yang disenaraikan dalam notis usul tersebut. Notis usul diarahkan dikembalikan ke Mahkamah Tinggi supaya hakim bicara memerintahkan siaran dalam *Warta*, seperti yang dipohon oleh pihak pendakwaan. (perenggan 20)

I

***English** Headnotes*

By way of a notice of motion filed at the High Court, the appellant ('the prosecution') sought to publish a notice in the *Gazette*, pursuant to s. 61(2) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('AMLATFPUA') read together with s. 56(1) of the AMLATFPUA, relating to an act of forfeiture. The notice of motion (i) listed seven accounts in five banking institutions and two luxury cars ('moveable properties'); (ii) called upon any third parties who claimed to have any interest in the seized moveable properties to appear before the court to show cause as to why these properties should not be forfeited; and (iii) sought forfeiture of the moveable properties. Without deliberating or pronouncing any decision on the main application, namely the order to publish a notice in the *Gazette*, the High Court Judge ('the trial judge') dismissed the notice of motion on the ground that the prosecution failed to establish their application for the forfeiture of the properties. Hence, the present appeal. The prosecution submitted that the trial judge (i) should not have heard the application in total without first ordering for the notice in the *Gazette* to be published and (ii) was in contradiction with the procedure outlined in s. 61(2) of the AMLATFPUA as the said section, based on the use of the word 'shall', must be mandatorily complied with and, following that, had prejudiced the rights of third parties who were not heard. Objecting against the appeal by the prosecution, the respondents argued that (i) before the mechanisme under s. 61(2) of the AMLATFPUA could be generated, the trial judge must first decide whether the prosecution's application, under s. 56(1) of the AMLATFPUA bore any merits. In other words, the trial judge must first issue an order of forfeiture before the procedure under s. 61(2) of the AMLATFPUA could be exercised.

Held (allowing appeal; setting aside decision of High Court)
Per Ab Karim Ab Jalil JCA delivering the judgment of the court:

(1) Based on the provisions of ss. 56(1) and 61(2) of the AMLATFPUA, it is clear that the use of the mechanism under s. 56, for the issuance of the forfeiture order by the trial judge against the properties in question, must first make way for s. 61(2). This proposition is made appropriate with the use of the phrase 'Subject to s. 61 …' at the beginning of s. 56(1). The phrase 'Subject to s. 61 …' under s. 56(1) refers to s. 61 as a whole and not s. 61(2) only. The entire s. 61, specifically s. 61(2), must be given priority. The validity of this interpretation is further fortified by the use of the phrase '… the judge to whom an application is made under … s. 56(1) shall cause to be published a notice in the *Gazette* …' in s. 61(2). The use of the word 'shall' in s. 61(2) makes it a requirement that must be mandatorily complied with before any order of forfeiture under s. 56 could be made.

A **(2)** In general, s. 61 of the AMLATFPUA provides the right to any *bona fide* third parties to be heard and to claim for the properties before these properties could be forfeited to the Government or otherwise. Based on s. 56(2)(b), the trial judge must be satisfied that there are no *bona fide* purchasers, with a valuable consideration, for the properties. How could
B a *bona fide* purchaser make the said claim if there is no notification made, for the purpose of s. 61(2). Furthermore, it is an anomaly if the order for forfeiture is made first before the publication is made under s. 61(2) to call upon anyone to state why forfeiture should not be carried out. This anomaly is unreasonable and, surely, must not have been the intent
C of the law.

(3) The trial judge erred in not complying with the mandatory requirement of s. 61(2) of the AMLATFPUA by visibly failing to deliberate on the application of the prosecution to publish a notice in the *Gazette* for the forfeiture of the properties listed in the notice of motion. The notice of
D motion was ordered to be remitted to the High Court for the trial judge to order the publication in the *Gazette*, as applied by the prosecution.

Kes-kes yang dirujuk:

Awalluddin Sham Bokhari v. PP [2016] 1 LNS 2 CA ***(dirujuk)***

Chandavarkar Sita Ratna Rao v. Ashalata S. Guram 1987 AIR 117 ***(dirujuk)***

E *PP v. Awalluddin Sham Bokhari [2018] 1 CLJ 305 FC* ***(dirujuk)***

PP v. Billion Nova Sdn Bhd & Ors [2016] 2 CLJ 763 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, ss. 4(1)(a), 44, 45(2), 50(1), 56(1), (2)(b), (4), 61(2)

Customs Act 1967, s. 135(1)(d), (g)

F

Bagi pihak perayu - Ahmad Sazilee Abdul Khairi & Mohd Zain Ibrahim; TPR
Bagi pihak responden - Abdul Hamid Menon Abdullah; T/n RK Menon & Co

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP v. Taiko Fertiliser & Ors [2017] 5 CLJ 209 (ditolak).]

G *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

PENGHAKIMAN

Ab Karim Ab Jalil HMR:

Mukadimah

H

[1] Rayuan ini dikemukakan ke mahkamah ini untuk mencabar keputusan Mahkamah Tinggi Johor Bahru yang telah menolak permohonan Pendakwa Raya (perayu) melalui notis usul bertarikh 13 Januari 2015 yang antara lain memohon untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* di bawah s. 61(2) dibaca
I bersama s. 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA) 2001 berkaitan dengan tindakan untuk melucut hak harta-harta yang disenaraikan dalam notis usul berkenaan.

[2] Di akhir pendengaran rayuan dan setelah menimbangkan penghujahan kedua-kedua pihak dalam skema AMLATFPUA berhubung isu yang diperdebatkan, kami berpuas hati bahawa rayuan perayu mempunyai merit. Kami dengan itu mengetepikan keputusan hakim bicara dan mengarahkan permohonan notis usul berkenaan dengan penyiaran notis dalam *Warta* itu dibenarkan selaras dengan keputusan kami ini.

Latar Belakang Usul

[3] Kami tidak bercadang untuk membentangkan latar belakang permohonan ini secara terperinci memandangkan perkara tersebut telah dihuraikan dengan baik dan terperinci oleh hakim bicara. Selaras dengan pendirian yang akan kami ambil tentang isu yang hendak diputuskan, memadailah untuk digariskan fakta ringkas berikut.

[4] Melalui notis usul bertarikh 13 Januari 2015, perayu telah membuat permohonan bagi perintah-perintah utama yang berikut:

1. Untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* di bawah Subseksyen 61(2) Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Perolehan Tak Sah 2001 bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta-harta alih di atas supaya hadir di hadapan Mahkamah pada tarikh yang dinyatakan dalam notis untuk menunjukkan sebab mengapa harta-harta alih yang telah disita tidak boleh dilucuthakkan dan seterusnya memohon Mahkamah Yang Mulia ini melucuthakkan;

   (a) Tujuh (7) akaun-akaun di lima (5) Institusi Perbankan seperti berikut:

PENAMA AKAUN	NRIC NO NO. ENTITI	NO. & JENIS ACCOUNT	NAMA BANKS	BAKI AKAUN (RM)
(1) Sairul Fareast	780125-01-5223	1245706226 FD	PBB	30,944.18
(2) Loktoi Logistics	JM0619365-X	2650000-14686 CA	HLBB	19,832.91
(3) Loktoi Logistics	JM0619365-X	551146-518541 CA	MBB	16,085.39
(4) Loktoi Logistics	JM0619365-X	201141-979721 FD	MBB	30,000.00
(5) Sairul Fareast	780125-01-5223	3177399236 CA	PBB	117,557.25
(6) Sairul Fareast	780125-01-5223	01250000-360100 SA	CIMB IS	26,000.00
(7) Puspasari	780524-01-5482	11263100-23909 SA	BIMB	40,000.00
				JUMLAH RM280,419.73

   dan apa-apa pertambahan kepadanya yang disita pada 9.5.2014 mengikut mana-mana peruntukan yang berkuatkuasa kepada Kerajaan Malaysia.

   (b) 2 unit kereta mewah berupa seunit BMW model X6 nombor daftar Jabatan Pengangkutan Jalan JPN1522 dan seunit AUDI model TT nombor daftar Jabatan Pengangkutan Jalan JPU1522 kepada Kerajaan Malaysia.

[5] Bagi tujuan memutuskan isu dalam rayuan ini, tidak dipertikaikan bahawa pihak kastam telah membekukan akaun bank responden kedua, ketiga dan keempat di bawah s. 44 AMLATFPUA. Selain itu, dua buah kereta yang menjadi hal perkara dalam kes ini iaitu BMW dan Audi telah juga disita di bawah s. 45(2) AMPLATFPUA 2001 (rujuk ms. 1226-1267 rekod rayuan [RR]: jld 7). Sebuah lagi kereta jenis Toyota Lexus JPC 1522 yang disita pada tarikh yang sama didapati terlibat juga dengan kesalahan di bawah s. 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

[6] Pada 9 Mei 2014, satu perintah sitaan terhadap harta-harta tersebut telah dikeluarkan oleh Pendakwa Raya di bawah s. 50(1) Akta bagi harta yang disenaraikan di perenggan 1(a) di atas. Bagi harta-alih di perenggan 1(a) dan (b) itu, Pendakwa Raya telah memutuskan tiada pendakwaan atau sabitan di bawah s. 4(1) AMLATFPUA 2001 dalam masa 12 bulan selepas harta tersebut disita atau dibekukan.

[7] Pendakwa Raya juga berpuas hati bahawa harta-harta yang disita tersebut mempunyai kaitan dengan kesalahan di bawah sub-s. 4(1)(a) AMLATFPUA 2001 iaitu harta tersebut ialah hasil aktiviti haram daripada kesalahan di bawah s. 135(1)(g) Akta Kastam 1967.

[8] Pendakwa Raya membuat keputusan tersebut berdasarkan hasil siasatan dua orang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia iaitu Penolong Kanan Pengarah Kastam II Ibrahim bin Md Noh (rujuk afidavit IMN) dan Penolong Kanan Pengarah Kastam II Nor Azman bin Mat Jini (rujuk afidavit AMJ).

[9] Memandangkan Pendakwa Raya telah memutuskan bahawa tiada pendakwaan dibuat terhadap harta-harta di perenggan 1(a) dan (b) di atas, maka Pendakwa Raya telah mengemukakan permohonan melalui notis usul ini untuk memohon suatu *Warta* Kerajaan dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru selaras dengan kehendak s. 61(2) AMLATFPUA 2001.

Keputusan Mahkamah Tinggi

[10] Dalam menimbangkan permohonan perayu, hakim bicara telah mengambil pendekatan sepertimana yang dinyatakan dalam alasan penghakimannya (ms. 16, rekod rayuan: jld 1) sebegini:

> The applicant has to prove its case on a balance of probabilities. Such standard of proof for the purpose of the application under Section 56(1) of the AMLATFA requires evidence of a smuggling under Section 135(1)(g) of the Customs Act, 1967 or of an offence under Section 4(1) of the AMLATFA before this Court could be persuaded to find with any measure of certainty that the monies seized and frozen in the 7 accounts in the names of the respondents in Banks and the two units of vehicles which were the subject matter or evidence relating to the said offence. It requires that the offence must be proved in order for the Court to make the forfeiture order.

[11] Berlandaskan pendekatan ini, hakim bicara setelah menimbangkan merit kes secara keseluruhan, memutuskan bahawa perayu telah gagal membuktikan permohonan mereka untuk melucut hak harta-harta berkenaan atas imbangan kebarangkalian selaras dengan peruntukan s. 56(4) AMLATFPUA 2001. Susulan itu, permohonan Pendakwa Raya *via* notis usul berkenaan ditolak. Harus dicatatkan bahawa hakim bicara tidak menyentuh atau memberikan apa-apa keputusan tentang permohonan utama notis usul iaitu perintah untuk menyiarkan satu notis dalam *Warta* di bawah s. 61(2), AMLATFPUA 2001.

Rayuan Ini

[12] Di hadapan kami, Encik Ahmad Sazilee, Timbalan Pendakwa Raya yang terpelajar (TPR), telah membangkitkan satu isu sahaja untuk dipertimbangkan oleh kami. TPR menghujahkan bahawa hakim bicara tidak seharusnya membicarakan merit permohonan ini secara keseluruhan tanpa terlebih dahulu memberikan perintah untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* sepertimana yang dipohon dalam notis usul dan yang dikehendaki secara mandatori oleh s. 61(2) AMLATFPUA 2001. Dengan pendekatan yang diambil oleh hakim bicara tersebut, ditegaskan: hakim bicara telah menyalahi prosedur yang digariskan oleh s. 61(2) memandangkan kehendak s. 61(2) itu, iaitu dengan penggunaan perkataan "shall", wajib dipatuhi terlebih dahulu; dan, ekoran itu telah memudaratkan hak pihak ketiga yang *bona fide* yang tidak dapat didengar. Di samping itu, hakim bicara dihujahkan telah juga gagal membezakan keputusan kes *PP v. Billion Nova Sdn Bhd & Ors* [2016] 2 CLJ 763 dengan kes dalam rayuan ini. Tambahan lagi, pergantungan hakim bicara pada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Awalluddin Sham Bokhari v. PP* [2016] 1 LNS 2; [2016] 2 AMR 20 atas isu dengar cakap ternyata khilaf apabila isu tersebut telah ditolak (overruled) oleh Mahkamah Persekutuan dalam *PP v. Awalluddin bin Sham Bokhari* [2018] 1 CLJ 305. Dengan kekhilafan tersebut, TPR memohon agar rayuan ini dibenarkan dan kes dikembalikan ke Mahkamah Tinggi untuk mengeluarkan perintah yang dipohon itu.

[13] Tuan Haji Abdul Hamid Menon bin Abdullah, peguam bela kesemua responden yang terpelajar, menyokong keputusan hakim bicara sebagai tepat, betul dan tidak seharusnya diganggu. Daripada apa yang dapat kami fahami, peguam bela mengatakan bahawa sebelum mekanisme s. 61(2) itu dapat digerakkan, hakim bicara perlu memutuskan terlebih dahulu sama ada permohonan perayu di bawah s. 56(1) itu bermerit atau tidak. Dalam erti kata yang lain, hakim bicara hendaklah membuat perintah pelucuthakkan terlebih dahulu sebelum prosedur s. 61(2) itu digerakkan. Memandangkan hakim bicara mendapati perayu telah gagal dalam pembuktian itu, maka tidak timbul isu berkenaan dengan pematuhan kepada kehendak s. 61(2), AMLATFPUA 2001.

A **Keputusan Kami**

[14] Kami bersetuju dengan penghujahan TPR bahawa hanya satu isu sahaja yang harus kami tentukan dalam rayuan ini iaitu sama ada hakim bicara dikehendaki di bawah s. 61(2) untuk mempertimbangkan terlebih dahulu permohonan untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* sebelum
B mempertimbangkan sama ada harta-harta yang disenaraikan dalam notis usul berkenaan wajar dilucut hak atau tidak di bawah s. 56, AMLATFPUA 2001.

[15] Pada hemat kami, keputusan kepada isu ini sudah semestinya bergantung pada makna dan skop peruntukan s. 56 (1) dan s. 61(2) dalam
C skema AMLATFPUA 2001 berkenaan dengan pelucuthakkan harta yang dibekukan atau disita di bawah Akta ini. Seksyen 56 memperuntukkan (sebelum pindaan yang berkuat kuasa 1 September 2014):

> **Forfeiture of property when there is no prosecution**
>
> 56 (1) **Subject to section 61,** where in respect of any property frozen or
D seized under this Act there is no prosecution or conviction for an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence, the Public Prosecutor may, before the expiration of twelve months from the date of the freeze or seizure, apply to a judge of the High Court for an order of forfeiture of that property if he is satisfied that such property had been obtained as a result of or in connection with an offence under subsection
E 4(1) or a terrorism financing offence, as the case may be, or is terrorist property.
>
> (2) The judge to whom an application is made under subsection (1) shall make an order for the forfeiture of the property if he is satisfied:
>
> (a) that the property is the subject-matter of or was used in the
F commission of an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence or is terrorist property; and
>
> (b) that there is no purchaser in good faith for valuable consideration in respect of the property.
>
> (3) Any property that has been seized and in respect of which no
G application is made under subsection (1) shall, at the expiration of twelve months from the date of its seizure, be released to the person from whom is was seized.
>
> (4) In determining whether or not the property has been obtained as a result of or in connection with an offence under subsection 4(1) or a
H terrorism financing offence or is terrorist property, the court shall apply the standard of proof required in civil proceedings.

I

Manakala s. 61 AMLATFPUA 2001 pula memperuntukkan:

> 61(1) The provision in this Part shall apply without prejudice to the rights of *bona fide* third parties.
>
> (2) The court making the order of forfeiture under section 55 or **the judge to whom an application is made under subsection 56(1) shall cause to be published a notice in the *Gazette*** calling upon any third party who claims to have any interest in the property to attend before the court on the date specified in the notice to show cause as to why the property shall not be forfeited.
>
> (3) A third party's lack of good faith may be inferred, by the court or an enforcement agency, from the objective circumstances of the case.
>
> (4) The court or enforcement agency shall return the property to the claimant when it is satisfied that:
>
> (a) the claimant has a legitimate legal interest in the property;
>
> (b) no participation, collusion or involvement with respect to the offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence which is the object of the proceedings can be imputed to the claimant;
>
> (c) the claimant lacked knowledge and was not intentionally ignorant of the illegal use of the property, or if he had knowledge, did not freely consent to its illegal use;
>
> (d) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property; and
>
> (e) the claimant did all he could reasonably be expected to prevent the illegal use of the property. (penekanan ditambah)

[16] Berdasarkan peruntukan-peruntukan di atas, apa yang jelas ialah penggunaan mekanisme di bawah s. 56 bagi pengeluaran perintah pelucuthakkan oleh hakim bicara terhadap harta yang dimaksudkan di situ hendaklah memberikan laluan terlebih dahulu kepada peruntukan s. 61(2). Saranan ini diwajarkan dengan penggunaan ungkapan "Subject to s. 61 ..." di awal peruntukan s. 56(1) tersebut. Makna dan kesan pemakaian ungkapan ini telah diperjelaskan oleh Mahkamah Agung India dalam kes *Chandavarkar Sita Ratna Rao v. Ashalata S. Guram* 1987 AIR 117, 1986 SCR (3) 866:

> It is well settled that the expression 'notwithstanding' is in contradistinction to the phrase **'subject to', the latter conveying the idea of a provision yielding place to another provision or other provisions to which it is made subject.** This will be clarified in the instant case by comparison of sub-section (1) of section 15 with sub-section (1) of section 15A. We are therefore unable to accept, with respect, the view expressed by the Full Bench of the Bombay High Court as relied on by the learned single judge in the judgment under appeal. (penekanan ditambah)

[17] Harus juga dicatatkan bahawa ungkapan "subject to s. 61" di bawah s. 56(1) itu merujuk s. 61 secara keseluruhan dan bukan sekadar s. 61(2) sahaja. Berdasarkan kes *Chandavarkar Sita Ratna Rao, supra*, keseluruhan peruntukan s. 61 khususnya s. 61(2) hendaklah diberikan keutamaan terlebih dahulu. Keabsahan (validity) takrifan ini diperkukuhkan dengan penggunaan ungkapan "... the judge to whom an application is made under ... s. 56(1) shall cause to be published a notice in the *Gazette* ..." dalam s. 61(2) itu sendiri. Dalam hal ini, kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa dengan penggunaan perkataan "shall" dalam s. 61(2) itu menjadikannya satu kehendak yang wajib diikuti sebelum sesuatu perintah pelucuthakkan di bawah s. 56 dibuat oleh hakim.

[18] Bagaimanapun, kami gagal mengesan apa-apa keputusan yang dibuat oleh hakim bicara berkenaan dengan kesan dan implikasi ungkapan "subject to" dalam s. 56(1) itu dan "shall cause to be published a notice in the *Gazette*" dalam s. 61(2) itu diulas atau disentuh oleh hakim bicara. Berkemungkinan besar hakim bicara telah diyakinkan dengan penghujahan peguam bela bahawa isu berkenaan tidak menjadi relevan jika permohonan pelucuthakkan harta itu ditolak oleh mahkamah. Kami tidak bersetuju dengan pendekatan tersebut. Kami mendapati secara amnya peruntukan s. 61 itu memberikan hak kepada mana-mana pihak ketiga *bona fide* untuk didengar dan membuat tuntutan ke atas harta-harta berkenaan sebelum harta-harta itu dilucut hak kepada Kerajaan atau sebaliknya.

[19] Perlu juga diambil perhatian bahawa menurut peruntukan s. 56(2)(b) hakim bicara perlu juga memuaskan hatinya bahawa tidak terdapat pembeli *bona fide* dengan balasan bernilai terhadap harta berkenaan. Bagaimanakah pembeli *bona fide* ini hendak membuat tuntutan tersebut jika tiada pemakluman dalam maksud s. 61(2) itu dibuat? Selanjutnya, akan menjadi satu kejanggalan bagi sesuatu perintah pelucuthakkan yang telah dibuat terlebih dahulu dan kemudiannya siaran dibuat di bawah s. 61(2) untuk menjemput mana-mana orang untuk menyatakan mengapakah pelucuthakkan itu tidak harus dibuat? Pada hemat kami, kejanggalan sebegini adalah tidak munasabah dan sudah semestinya tidak dimaksudkan oleh undang-undang. Dalam menyokong saranan (proposition) mereka, peguam bela telah juga merujuk kepada kes *PP v. Billion Nova Sdn & Ors, supra.* Bagaimanapun, peguam bela gagal menyedari bahawa notis di bawah s. 61(2) telah dipatuhi dan tidak menjadi isu dalam kes tersebut. Oleh itu, kes tersebut bukan sahaja dapat dibezakan, malahan memperkuatkan lagi hujahan TPR. Dari sudut ini, kami mendapati adanya kekuatan dalam penghujahan TPR dan hujahan peguam bela pula adalah jelas tersasar.

[20] Berdasarkan premis di atas, kami berpuas hati bahawa hakim bicara telah terkhilaf dengan tidak mematuhi kehendaki mandatori s. 61(2) apabila dengan jelas telah tidak menyentuh langsung tentang permohonan tunggal perayu untuk disiarkan satu notis dalam *Warta* bagi maksud pelucuthakkan harta-harta yang disenaraikan dalam notis usul tersebut. Dengan itu, kami membenarkan rayuan perayu, mengetepikan keputusan hakim bicara dan mengarahkan supaya notis usul tersebut dikembalikan bagi hakim bicara memerintahkan siaran dalam *Warta* yang dipohon oleh perayu dibuat.